

Pemandu teksi didakwa bunuh Syafiah Humairah

Oleh WAZIHA WAHID
waziha@kosmo.com.my

KUALA KUBU BHARU – Seorang pemandu teksi dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini semalam atas tuduhan membunuh Syafiah Humairah Sahari (**gambar kecil**) dengan membelasahnya sehingga mati di padang bola sepak dua minggu lalu.

Bagaimanapun, tiada pengakuan yang direkodkan daripada tertuduh, Mohd. Fazli Azri Jamil, 28, yang hanya menundukkan kepala sepanjang prosiding.

Tertuduh dengan wajah yang muram juga mengangguk kepala sebagai tanda memahami pertuduhan tersebut.

Mohd. Fazli didakwa melakukan kesalahan itu terhadap Syafiah, 3, di padang bola sepak Jalan Utama, Kawasan Rumah Murah, Batu 30, Ulu Yam Lama



Batang Kali dekat sini pada pukul 6.30 petang 25 Februari lalu.

Dakwa terhadap Mohd. Fazli yang tidak diwakili peguam dibuat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman gantung sampai mati jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya, Noorjidah Mohd. Jusan memohon satu tarikh sebutan bagi kes itu kerana pihaknya sedang menunggu untuk mendapatkan laporan kimia dan laporan autopsi mangsa.

Majistret Zuraida Zakaria menetapkan kes disebut semula pada 31 Mac ini.

Terdahulu, Mohd. Fazli yang ditahan di Penjara Ta-pah sejak ditangkap pada 26 Februari lepas dibawa ke mahkamah pada pukul 9.45 pagi dengan diiringi beberapa pegawai polis.

Sejurus dipanggil masuk ke dalam kandang pesalah, tertuduh yang kelihatan

kusut masai agak terkejut melihat ahli keluarganya di dalam galeri mahkamah.

Dia juga dilihat beberapa kali mengesat air mata yang bergengang di kelopak mata ketika dibawa keluar dari kamar mahkamah selepas selesai prosiding.

Bagaimanapun, kelibat ahli keluarga Syafiah Humairah termasuk ibunya, Siti Nor Hanim Aziz tidak kelihatan.

Laporan media pada 27 Februari lalu menyiarkan kejadian tragis yang menimpa Syafiah yang didera dan dibelasah tanpa belas kasihan seorang lelaki dipercayai kekasih ibunya di padang bola sepak.

Lelaki itu kemudian membawa mangsa ke Hospital Kuala Kubu Bharu dengan memberitahu mangsa terlibat dalam kemalangan, namun perkara sebenar terbongkar selepas mangsa mati.

Hasil pemeriksaan mendapati terdapat kesan luka pada muka dan perut Syafiah dipercayai ditampar dan disepak di perutnya beberapa kali sehingga mengalami kecederaan parah pada tubuhnya.



MOHD. FAZLI dibawa ke Mahkamah Majistret Kuala Kubu Bharu semalam atas dakwaan membunuh Syafiah.